

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH FADZIR  
[KULIM BANDAR BAHARU ]**

**TARIKH : 12 JUN 2014**

**SOALAN :**

**Dato' Abd. Aziz bin Haji Sheikh Fadzir [ Kulim Bandar Baharu ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan pencapaian peratusan terkini tentang pelepasan karbon dioksida di Malaysia. Adakah kita dapat mencapai 40 peratus per kapita GDP menjelang tahun 2020 sepertimana yang dikomited oleh YAB. Perdana Menteri di Copenhagen pada tahun 2009.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pengurangan pelepasan gas rumah kaca (*Greenhouse Gas* – GHG) sehingga kini adalah sebanyak 32.16% daripada 40%.

Penjejakan pengurangan pelepasan GHG ini adalah daripada aktiviti di bawah sektor Kecekapan Tenaga, Tenaga Boleh Diperbaharui, Pengurusan Sisa Pepejal dan Penanaman Pokok

Merujuk kepada jumlah tersebut, Kementerian ini yakin bahawa sasaran pengurangan pelepasan GHG sebanyak 40% intensiti karbon berdasarkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang tahun 2020 berbanding tahun 2005 sebagaimana yang telah dinyatakan oleh YAB Perdana Menteri pada tahun 2009 dapat dicapai.

Sekian, terima kasih.

## MAKLUMAT TAMBAHAN

### **A Road Map of Carbon Intensity Reduction in Malaysia**

Kerajaan telah menyediakan “Road Map” ke arah pencapaian pengurangan 40% intensiti karbon. “Road Map” ini adalah meliputi 3 program utama iaitu, Kecekapan Penggunaan Tenaga (*Energy Efficiency* - EE), Tenaga Boleh Diperbaharui (*Renewable Energy* - RE) dan Pengurusan Sisa Pepejal.

Roadmap ini kini di peringkat verifikasi dan dijangka akan dibentangkan di dalam Majlis Teknologi Hijau Perubahan Iklim (MTHPI) yang akan datang.

### **Insentif dan Galakan**

Kerajaan turut menggalakkan syarikat-syarikat swasta untuk mengurangkan pelepasan GHG dengan menawarkan pelbagai insentif dan galakan. Antara insentif dan galakan yang ditawarkan adalah seperti berikut:-

- i. Memperkenalkan skim *feed-in-tariff* (FIT) bagi menggalakkan penggunaan tenaga boleh diperbaharui seperti solar, biomas atau angin dengan menjual semula lebih tenaga kepada syarikat utiliti seperti Tenaga Nasional Berhad (TNB); dan
- ii. Menyediakan Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (*Green Technology Financing Scheme* - GTFS) bagi memajukan pembekalan dan penggunaan teknologi hijau serta membolehkan syarikat pengeluar dan syarikat pengguna teknologi hijau membuat pinjaman mudah untuk membiayai aktiviti mereka.

### **Program Penanaman Pokok**

Kementerian telah melaksanakan Kempen Menanam 26 Juta Pokok dengan tema “Hijaukan Bumi: Satu Warga, Satu Pokok” yang telah dilancarkan secara serentak di seluruh Negara sempena Sambutan Hari Bumi Sedunia pada 22 April 2010. Sehingga akhir tahun 2013, sebanyak 53 juta pokok telah ditanam di kawasan seluas 65,560 hektar.

### **Dasar Perubahan Iklim Negara**

Bagi tindakan mitigasi pengurangan pelepasan GHG dan tindakan adaptasi perubahan iklim, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah pun menerbitkan Dasar Perubahan Iklim Negara yang telah dilancarkan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri pada 30 Ogos 2010. Dasar ini bertujuan untuk dijadikan panduan dalam mengintegrasikan isu perubahan iklim dalam perancangan dan pelaksanaan program pembangunan dan proses membuat keputusan; menggalakkan pertumbuhan ekonomi secara lestari dan pembangunan insan; serta pemuliharaan alam sekitar. Dasar ini juga berperanan sebagai rangka kerja untuk mengerakkan serta memberikan panduan kepada agensi kerajaan, industri, komuniti serta pihak berkepentingan dalam menghadapi cabaran perubahan iklim secara menyeluruh.

### **Program MYCarbon**

Bagi menggalakkan pelaporan pelepasan GHG oleh organisasi korporat dan syarikat swasta, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dengan kerjasama *United Nations Development Programme* (UNDP) sedang melaksanakan Program Pelaporan GHG Kebangsaan Bagi Sektor Korporat atau juga dikenali sebagai MYCarbon. MYCarbon telah dilancarkan oleh YB Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar

pada 3 Desember 2014. MYCarbon masih di peringkat fasa rintis pelaksanaan dan sehingga 26 Mei 2014, sebanyak 24 organisasi dan syarikat swasta telah menyertai program perintis MYCarbon.

**DISEDIAKAN OLEH**

Nama : DR. LIAN KOK FEI  
Jawatan : SUB  
No. Telefon Bimbit :  
Jabatan : PASPI

**DISEMAK OLEH**

Nama : DATUK DR ABDUL RAHIM HJ NIK  
Jawatan : TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA  
No. Telefon Bimbit :  
Jabatan : NRE

**DILULUSKAN OLEH**

Nama : DATO' SRI ZOAL AZHA YUSOF  
Jawatan : KETUA SETIAUSAHA  
No. Telefon Bimbit :  
Jabatan : NRE